

Headline **FRIM, Tetra Pak tubuh EEC**
Date **11 Jun 2010**
MediaTitle **Utusan Malaysia**
Section **Supplement**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **197,952 / 833,287**

Language **Malay**
Page No **K3**
Article Size **163 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **3,222**
PRValue **9,665**



FRIM, Tetra Pak tubuh EEC

KUALA LUMPUR - Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Tetra Pak (Malaysia) Sdn. Bhd. melancarkan Pusat Pendidikan Alam Sekitar (EEC) dalam usaha meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap pemuliharaan alam sekitar.

Dilancarkan sempena Hari Alam Sekitar Sedunia dan ulang tahun ke-25 FRIM, EEC akan menjadi landasan untuk FRIM menganjurkan ceramah, bengkel dan aktiviti kepada orang ramai terutama pelajar sekolah.

Tetra Pak menyumbang RM10,000 untuk penubuhan EEC.

Tetra Pak turut melancarkan peraduan kitar semula kotak minuman dan program alam sekitar di 25 buah sekolah rendah di Lembah Klang.

Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr. Abdul Latif Mohmod berkata, FRIM akan mewujudkan kemudahan fasiliti bagi mengendalikan bengkel dan aktiviti khas untuk mendidik golongan muda tentang alam semula jadi.

EEC terletak berdekatan dengan tapak perkelahan Sungai Kroh dibuka dari pukul 8 pagi hingga 5 petang pada hari Isnin hingga Jumaat dan 9 pagi hingga 12 tengahari pada hari Sabtu.

Pengunjung digalakkan untuk membuat tempahan dengan Pusat Perkhidmatan Setempat FRIM sebelum lawatan.

Keterangan lanjut, layari www.frim.gov.my dan www.tetrapak.com.my



SEKUMPULAN murid tadika diberi tunjuk ajar untuk mengitar semula kotak minuman pada pelancaran EEL baru-baru ini.